

Headline	Cabaran pulihara Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	04 Mar 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	38,39	ArticleSize	1616 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 55,705
Journalist	mdzin@bh.com.my MOHD ZIN ALI	PR Value	RM 167,115
Frequency	Daily		



# Cabaran pulihara Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor

*Habitat flora fauna, spesies haiwan terancam di dunia kini dalam proses dapat status Tapak Warisan Dunia*

Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor yang terletak di utara Perak menjadi habitat kepada lebih 3,000 spesies tumbuhan berbunga, termasuk tiga spesies tumbuhan terbesar di dunia iaitu Rafflesia.

Ia menjadi habitat semula jadi kepada 64 spesies paku-pakis, 62 spesies lumut dan tasiknya menjadi habitat kepada 23 spesies ikan air tawar dan lima spesies penyu.

Hutan yang berkeluasan empat kali ganda berbanding Singapura itu juga menjadi lokasi paling sesuai untuk haiwan seperti harimau dan gajah untuk bergerak dan membikai tanpa diganggu oleh manusia.

Pada masa ini, ia menjadi tempat tinggal kepada 14 mamalia yang paling terancam di dunia termasuk harimau malaya, beruang madu, gajah dan tapir.

Sebagai antara hutan simpan terbesar yang masih belum diteroka sepenuhnya di Semenanjung Malaysia dan mungkin juga di dunia, hutan ini menyimpan banyak rahsia dan potensi untuk diteroka oleh penyelidik dan pencinta alam sekitar.

Bahkan, hutan berusia kira-kira 130 juta tahun itu adalah destinasi terbaik untuk kegiatan ekopelancongan seperti menyaksikan keindahan air terjun, kepelbagaian flora dan fauna serta usaha penyelidikan dan pendidikan yang menyokong usaha pemuliharaan kawasan berkenaan.

Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor yang mempunyai keluasan lebih 300,000 hektar itu sebenarnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu Taman Negeri Royal Belum, Hutan Simpan Aman Jaya, Pulau Banding dan Hutan Simpan Temenggor.

Bahagian tengah kawasan hutan berkenaan pula adalah Tasik Temenggor yang mempunyai keluasan 15,200 hektar, sebuah tasik buatan yang terbentuk daripada Empangan Temenggor yang dibangunkan pada akhir 1960-an bagi membekalkan tenaga elektrik hidro.

Pembinaan empangan itu yang menggelamkan sebahagian kawasan hutan itu juga dikatakan bertujuan menghapuskan laluan yang pernah digunakan oleh ahli Parti Komunis Malaya (PKM) yang berpangkalan di Selatan Thailand untuk menyusup ke negara ini.

Bagaimanapun, untuk memasuki dan meneroka kawasan Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor, orang ramai perlu terlebih dahulu ke Pulau Banding yang terletak di tengah-tengah



**“YPB juga berusaha mempromosi Hutan Royal Belum-Temenggor sebagai lokasi ekopelancongan dunia kerana hutannya adalah jauh lebih tua berbanding hutan Amazon di Brazil yang baru berusia 60 juta tahun”**

**Abdul Rashid Ab Malik,**  
Ketua Eksekutif YPB

jalan raya yang menghubungkan barat dan timur antara Gerik, Perak dan Jeli, Kelantan.

Orang ramai yang berminat merokak alam misteri di hutan simpan itu perlu berurus dengan Yayasan Pulau Banding (YPB), sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan oleh sebuah syarikat hartanah, Kumpulan Emkay, pada November 2007 serta diberi mandat dan tanggungjawab oleh kerajaan negeri Perak untuk memulihara Hutan Hujan Belum-Temenggor.

Penubuhan YPB sebenarnya adalah antara hasil resolusi sepasukan panel pakar dalam alam sekitar, perhutanan dan kepelbagaian bio yang diwujudkan untuk menyediakan satu garis panduan untuk pembangunan di Pulau Banding serta idea Pengurus Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

Pulau Banding yang berkeluasan 243 hektar dibeli sepenuhnya oleh Kumpulan Emkay untuk membolehkan syarikat itu menjalankan kegia-

tan ekopelancongan. Ia adalah satu daripada 83 pulau yang terbentuk selepas kawasan bukit ditenggelami tasik buatan berkenaan.

Ketua Eksekutif YPB, Datuk Dr Abdul Rashid Ab Malik, berkata antara aktiviti yayasan itu ialah untuk menjalankan penyelidikan supaya kawasan hutan itu dapat disimpan dan pemuinya dimaklumkan kepada orang ramai atau pembuat dasar.

## Kaya khazanah alam

Beliau berkata, sekiranya kawasan berkenaan perlu dibangunkan, pihak yang berkepentingan perlu menyedari bahawa ia adalah satu kawasan yang kaya dengan khazanah alam dan tidak boleh dibangunkan dengan sewenang-wenangnya.

“Sebagai contoh, aktiviti pembalakan. Walaupun sebahagian kawasan Temenggor boleh digunakan sebagai kawasan pembalakan, bahagian huluunya tidak boleh dibalak kerana ia sudah diwartakan sebagai taman negeri,” katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau ditemui sempena persidangan antarabangsa Badan Penasihat Mengenai Kepelbagaian Bio dan Perkhidmatan Ekosistem yang berlangsung selama seminggu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 22 hingga 28 Februari lalu.

Persidangan yang menghimpunkan lebih 500 peserta terdiri daripada saintis terkemuka dunia, pemimpin politik dan pembuat dasar itu adalah anjuran Kementerian Sumber Asli



dan Alam Sekitar, Pejabat Penasihat Sains Perdana Menteri dan Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Abdul Rashid berkata, menyedari antara petunjuk prestasi utama (KPI) Jabatan Perhutanan Perak adalah perlu menjana pendapatan tertentu dengan membenarkan aktiviti pembalakan, pihaknya berusaha memperkenalkan bayaran perkhidmatan ekosistem.

Beliau berkata, sumbangan atau bantuan yang diterima daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat besar atau orang ramai akan digunakan untuk membolehkan kerajaan negeri menyimpan kira-kira 117,000 hektar kawasan Hutan Simpan Temenggor dan mengelak daripada terus dibalak.

“Jika orang ramai, GLC dan syarikat korporat betul-betul sayangkan khazanah yang mempunyai lebih 3,000 tumbuhan berbunga dan 10 jenis Rafflesia serta enggan ia dibalak, maka mereka boleh membayar kepada ta-



Mustapha Kamal (kiri) bersama Ahli Majlis Tertinggi Yayasan Sime Darby, Caroline Christine Russell mendatangani plak pada Majlis Perasmian Belum Discovery Centre di Institut Penyelidikan Hutan Hujan Pulau Banding, tahun lalu.

[FOTO MOHD NAZRULASWAD/BH]

Headline	Cabaran pulihara Hutan Hujan Royal Belum-Temenggor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	38,39	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	1616 cm <sup>2</sup>
Journalist	mdzin@bh.com.my MOHD ZIN ALI	AdValue	RM 55,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 167,115



bung amanah yang akan ditubuhkan YPB iaitu Tabung Pemuliharaan Belum (Belum Conservation Fund).

“Bila kami menerima sumbangan ini, kami akan memberi sumbangan atau bayaran itu kepada kerajaan negeri sebagai ganti daripada pendapatan hasil pembalakan yang sepatutnya diluluskan oleh Jabatan Perhutanan negeri di kawasan Temenggor.

“Ini dilakukan semata-mata untuk aktiviti pemuliharaan. Kalau kita tidak buat cadangan ini, kerajaan negeri akan terus menjalankan aktiviti pembalakan untuk menjana pendapatan mereka. Inilah yang dinamakan bayaran perkhidmatan ekosistem,” katanya.

Selain itu, Abdul Rashid berkata, sebagai sebuah NGO yang baru beroperasi kira-kira lapan tahun lalu, pihaknya sudah melakukan dua ekspedisi saintifik iaitu di Sungai Enam pada Oktober 2012 dan di Hutan Royal Belum pada Oktober tahun lalu.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan satu simposium pada 22 hingga 25 Mei ini di Belum Rainforest Resort di Pulau Banding untuk memaklumkan penemuan yang diperoleh daripada hasil ekspedisi saintifik di Hutan Royal Belum, tahun lalu.



#### Promosi ekopelancongan

“Selain itu, YPB juga akan mengjuruk satu Persidangan Antarabangsa Mengenai Pemuliharaan dan Penggunaan Mampang Hutan Hujan Tropika 2016 juga di Belum Rainforest Resort pada 17 hingga 22 Oktober depan dengan hasil persidangan akan dijadikan sebagai Deklarasi Belum.

“YPB berusaha memberi sumbangan dengan menumpukan kepada satu dua penyelidikan berimpak tinggi dengan kerjasama universiti awam dan pusat penyelidikan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI),” katanya.

Abdul Rashid berkata, YPB berusaha mempromosi Hutan Royal Belum-Temenggor sebagai lokasi ekopelancongan dunia kerana huttannya lebih tua berbanding hutan Amazon di Brazil yang baru berusia 60 juta tahun.

Beliau berkata, ramai yang tidak tahu spesies burung enggang di hu-

tan berkenaan adalah lebih tinggi daripada di Sarawak iaitu sebanyak 10 spesies berbanding lapan spesies di Sarawak.

“Ada tempat tertentu di hutan berkenaan menjadi lokasi yang sesuai untuk pemerhati burung menyaksikan burung enggang terbang pada waktu pagi dan kembali ke sarang pada waktu petang.

“Kita patut berbangga kerana memiliki Hutan Royal Belum-Temenggor. Kita mungkin boleh membina bangunan paling tinggi di dunia, tetapi kita tidak akan mampu membina hutan paling tua,” katanya.

Selain itu, Abdul Rashid berkata, kerajaan kini dalam proses untuk mendapatkan status Tapak Warisan Dunia Pertumbuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sains di UNESCO dengan usaha berkenaan sudah dimulakan sejak tahun 2014.

Beliau berkata, ketika ini, kawasan berkenaan sudah diwartakan sebagai taman negeri dan menyasar untuk memperoleh status Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun hadapan atau tahun 2018.

**Ikuti BH Plus**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video



#### INFO

##### Royal Belum-Temenggor

⦿ Diisytiharkan sebagai Royal Belum oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah pada tahun 2003. Diwartakan di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 oleh Kerajaan Perak pada 17 April 2007.

⦿ Royal Belum mempunyai tiga daripada 20 spesies bunga terbesar dunia itu. Salah satu daripadanya dinamakan Azlanii sempena nama Sultan Azlan Shah.

⦿ Dikenal pasti sebagai Kawasan Alam Sekitar Sensitif di bawah Pelan Fizikal Malaysia 2005 kerana menjadi tempat perlindungan gajah, harimau belang, badak sumbu dan tapir.

⦿ ‘Belum, belum, belumuuuummm’ adalah bunyi yang dihasilkan belalang besar yang menghuni hutan ini, antara sebab ia diberi nama Belum.

⦿ Pulau Banding boleh dijadikan pintu masuk ke semua destinasi pelancongan di Tasik Temenggor dan Royal Belum.

⦿ Cadangan pembangunan utama sehingga tahun 2015 adalah kawasan pelancongan di Pulau Banding yang sesuai sebagai Hab Pelancongan Utama daerah Hulu Perak.

⦿ Tasik Temenggor turut dibangunkan sebagai lokasi ternakan ikan air tawar. Ikan sungai terdedah kepada kepupusan akibat pembuangan sisa toksik, penyeludupan dan penggunaan bahan kimia serta bom ikan, renjatan kuasa elektrik dan tuba.

⦿ Sejak tahun 1997, Jabatan Perikanan Perak menghasilkan baka induk dan benih ikan air tawar melalui Pusat Perikanan Darat (PPD) di Banding.

**Sumber**  
Wikipedia